




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 di negeri ini adalah sebanyak 556 kes. Jumlah kumulatif ialah sebanyak 22,323 kes. Hari ini satu (1) kes kematian dicatatkan iaitu di Daerah Tuaran. Takziah kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 447 pesakit COVID-19 telah discaj / sembahuh dari hospital. Manakala, seramai 2,472 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 663 orang di hospital dan 1,809 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 66 orang dan 24 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada penambahan zon merah pada hari ini.

- 4 Pada hari ini, terdapat dua (2) kluster baharu di Daerah Sandakan iaitu:
 - (i) Kluster Jambatan B sebanyak 30 kes; dan
 - (ii) Kluster Bonggaya sebanyak 46 kes.
- 5 Daripada 556 kes positif COVID-19 hari ini, sebanyak 199 kes (35.79%) adalah dari Daerah Tawau, Kota Kinabalu, Tuaran dan Sandakan yang berpunca dari saringan kontak rapat. Selebihnya iaitu 357 kes adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Daerah Sandakan merekodkan kes tertinggi sebanyak 223 kes. Daripada jumlah ini, 87 kes adalah daripada saringan kontak rapat. Manakala, 33 kes daripada Kluster Bonggaya, 31 kes Kluster Karamunting, 18 kes Kluster Jambatan 2, 17 kes Kluster Mesra, 16 kes Kluster Samudera, tiga (3) kes Kluster Penjara, dua (2) kes Kluster Tinusa, satu (1) kes saringan komuniti, enam (6) daripada saringan bergejala, satu (1) kes *Sign Off* dan lapan (8) kes daripada saringan sebelum bekerja.
- 7 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,010 katil. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah sebanyak 5,513 katil menjadikan jumlah keseluruhan 6,523 katil. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 37.9%.

B. PENGURUSAN SUMBANGAN DAN BANTUAN DARIPADA BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO), SYARIKAT SWASTA, PEMIMPIN MASYARAKAT DAN ORANG PERSENDIRIAN

- 1 Kerajaan negeri mengalu-alukan sumbangan daripada semua NGO, syarikat swasta, pemimpin masyarakat dan orang persendirian sebagaimana yang dinyatakan dalam kenyataan media semalam.
- 2 Namun demikian, setelah dinilai semula Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sabah hari ini memutuskan semua NGO, syarikat swasta, pemimpin masyarakat dan orang persendirian yang ingin membuat sumbangan untuk terus berhubung dengan Pegawai Kebajikan di daerah tersebut.
- 3 Bagaimanapun, bagi penyumbang dari luar Negeri Sabah yang bukan berasal dari Sabah **WAJIB** mendapatkan **Kelulusan Khas Masuk Ke Negeri Sabah** sebelum memasuki negeri ini.
- 4 Semua kemasukan ke Negeri Sabah hendaklah **mematuhi SOP lain yang sedang berkuatkuasa**. Sila layari laman sesawang <https://hednp.sabah.gov.my/> untuk memohon Kelulusan Khas tersebut

C. OPERASI PENGURUSAN NIKAH, CERAI DAN RUJUK (NCR) NEGERI SABAH

- 1 Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) membenarkan urusan nikah, cerai dan rujuk (NCR) tiga hari seminggu di semua pejabatnya berkuat kuasa 16 Nov hingga 12 Dis ini atau sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan seperti di **Lampiran A**.

D. PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) SEKTOR SUKAN DAN REKREASI

- 1 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sabah hari ini memutuskan hanya aktiviti sukan yang **TIDAK BERSENTUHAN FIZIKAL** sahaja dibenarkan secara individu atau kumpulan yang tidak melebihi 10 orang pada satu-satu masa. Butiran jenis sukan dan SOP yang perlu dipatuhi seperti di **Lampiran B**.

E. PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PEMBUKAAN SEMULA TASKA BERDAFTAR

- 1 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sabah hari ini juga membenarkan pembukaan semula operasi taska yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Am Sabah (Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia Negeri Sabah). Tata cara operasi taska perlulah mengikuti SOP yang telah ditetapkan seperti di **Lampiran C**.

F. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

- 1 Pengagihan bantuan bakul makanan (*food basket*) kepada golongan sasar berjalan lancar. Sehingga hari ini, sebanyak **164,591** bakul makanan telah diagihkan.

G. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sebanyak 72 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 55,063 kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 232 buah kenderaan diarah berpatah balik manakala 31 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 94 hebaham melalui kereta peronda. Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB ialah 97.63%.

- 2 Tiga Daerah mencatatkan kadar pematuhan yang tinggi iaitu Kinabatangan (99%), Sipitang (99%) dan Kota Kinabalu (99%). Manakala tiga daerah yang mencatatkan kadar pematuhan yang terendah ialah Semporna (95%), Kota Belud (96%), dan Ranau (96%).
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 18 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 20 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 4 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi di tujuh (7) premis di lima (5) buah daerah iaitu Semporna, Kota Kinabalu, Penampang, Kinabatangan dan Tawau.
- 5 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 121 lokasi di 17 buah daerah. Hebahan dibuat dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Mandarin, Bahasa Kadazan dan Bahasa Bajau.

Kerjasama padu daripada semua pihak amat penting dalam usaha untuk memutuskan rantaian COVID-19 dengan mematuhi SOP yang sedang berkuatkuasa dan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian.

Masyarakat juga dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

**#kitajagakita #stayhome #staysafe
#workfromhome
#normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**
13 November 2020

OPERASI PENGURUSAN NIKAH, CERAI DAN RUJU' (NCR) NEGERI SABAH JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH (JHEAINS)														
Tarikh Kuatkuasa	Operasi Pejabat	Hari Berurusan di Kaunter	Waktu Operasi Kaunter	Isnin & Rabu	Jumaat									
<u>AKTIVITI DAN PROTOKOL</u>														
Syarat Operasi														
<ul style="list-style-type: none"> • Tertakluk kepada JKPBC19 Negeri / Daerah • Arahan operasi dari masa ke semasa 														
Urusan Kaunter														
<ul style="list-style-type: none"> • Pengesahan Dokumen NCR • Kelulusan Perkahwinan • Pendaftaran NCR • Pendaftaran Temuduga Khas Kursus Praperkahwinan • Akad Nikah 														
Pematuhan SOP														
<ul style="list-style-type: none"> • SOP JHEAINS • SOP JKPBC19 Negeri / Daerah • SOP-SOP berkaitan yang diluluskan oleh KKM dan MKN di bawah Akta 342. • SOP-SOP berkaitan dibawah Kementerian dan Agensi. 														
Perkara Tidak Dibenarkan														
<ul style="list-style-type: none"> • Terlalu ramai orang dalam satu-satu masa disebabkan ruang yang terhad • <i>Patient under Investigation (PUI) & Person under Surveillance (PUS)</i> tidak dibenarkan hadir. 														
<table border="1"> <thead> <tr> <th>Perkara</th><th>Penerangan Ringkas</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1. Urusan Kaunter</td><td> <ul style="list-style-type: none"> a. Pengunjung diwajibkan mendaftar diri dengan menggunakan aplikasi MySejahtera atau menulis maklumat diri ke dalam buku khas yang disediakan dan melakukan pemeriksaan suhu. b. Pengunjung diwajibkan memakai pelitup muka dan mengamalkan Penjaraikan fizikal ketika berurusan di kaunter c. Hanya orang berurusan sahaja yang dibenarkan masuk ke premis. </td></tr> <tr> <td>2. Akad Nikah</td><td> <ul style="list-style-type: none"> a. Upacara akad nikah hanya dibenarkan di pejabat JHEAINS sahaja. b. Temu janji akad nikah hendaklah setelah mendapat kelulusan berkahwin dari Pendaftar NCR. c. Upacara akad nikah hanya boleh dihadiri oleh Pasangan Lelaki, Pasangan Perempuan dan Wali sahaja. d. Tarikh upacara akad nikah akan ditentukan oleh Pendaftar NCR berdasarkan kekosongan waktunya yang ada. </td></tr> <tr> <td>3. Temuduga Khas Praperkahwinan Islam MBKPI</td><td> <ul style="list-style-type: none"> a. Temuduga khas ini hanya terbuka kepada pasangan yang akan melangsungkan upacara nikah dalam tempoh PKPB sahaja. b. Pemohon hendaklah melengkapkan terlebih dahulu borang Permohonan Kebenaran Kahwin beserta dokumen-dokumen yang diperlukan. c. Yuran Sebanyak RM50.00 dikenakan kepada peserta.. </td></tr> <tr> <td>4. Kursus Praperkahwinan Online</td><td> <ul style="list-style-type: none"> a. Terbuka kepada mana-mana individu yang belum berkahwin dan yang bermastautin di negeri Sabah sahaja. b. Yuran sebanyak RM 75.00 dikenakan kepada peserta. c. Pautan penyertaan boleh dibuat di https://forms.gle/Xkv5jiUDbRp2KGCAA d. Kursus ini mengandungi 4 tajuk utama dengan jumlah masa 5 jam sahaja. e. Maklumat lanjut boleh berhubung melalui no. Tel:088-522222 / 522205 (ZulFadhl / Rahatul) </td></tr> </tbody> </table>					Perkara	Penerangan Ringkas	1. Urusan Kaunter	<ul style="list-style-type: none"> a. Pengunjung diwajibkan mendaftar diri dengan menggunakan aplikasi MySejahtera atau menulis maklumat diri ke dalam buku khas yang disediakan dan melakukan pemeriksaan suhu. b. Pengunjung diwajibkan memakai pelitup muka dan mengamalkan Penjaraikan fizikal ketika berurusan di kaunter c. Hanya orang berurusan sahaja yang dibenarkan masuk ke premis. 	2. Akad Nikah	<ul style="list-style-type: none"> a. Upacara akad nikah hanya dibenarkan di pejabat JHEAINS sahaja. b. Temu janji akad nikah hendaklah setelah mendapat kelulusan berkahwin dari Pendaftar NCR. c. Upacara akad nikah hanya boleh dihadiri oleh Pasangan Lelaki, Pasangan Perempuan dan Wali sahaja. d. Tarikh upacara akad nikah akan ditentukan oleh Pendaftar NCR berdasarkan kekosongan waktunya yang ada. 	3. Temuduga Khas Praperkahwinan Islam MBKPI	<ul style="list-style-type: none"> a. Temuduga khas ini hanya terbuka kepada pasangan yang akan melangsungkan upacara nikah dalam tempoh PKPB sahaja. b. Pemohon hendaklah melengkapkan terlebih dahulu borang Permohonan Kebenaran Kahwin beserta dokumen-dokumen yang diperlukan. c. Yuran Sebanyak RM50.00 dikenakan kepada peserta.. 	4. Kursus Praperkahwinan Online	<ul style="list-style-type: none"> a. Terbuka kepada mana-mana individu yang belum berkahwin dan yang bermastautin di negeri Sabah sahaja. b. Yuran sebanyak RM 75.00 dikenakan kepada peserta. c. Pautan penyertaan boleh dibuat di https://forms.gle/Xkv5jiUDbRp2KGCAA d. Kursus ini mengandungi 4 tajuk utama dengan jumlah masa 5 jam sahaja. e. Maklumat lanjut boleh berhubung melalui no. Tel:088-522222 / 522205 (ZulFadhl / Rahatul)
Perkara	Penerangan Ringkas													
1. Urusan Kaunter	<ul style="list-style-type: none"> a. Pengunjung diwajibkan mendaftar diri dengan menggunakan aplikasi MySejahtera atau menulis maklumat diri ke dalam buku khas yang disediakan dan melakukan pemeriksaan suhu. b. Pengunjung diwajibkan memakai pelitup muka dan mengamalkan Penjaraikan fizikal ketika berurusan di kaunter c. Hanya orang berurusan sahaja yang dibenarkan masuk ke premis. 													
2. Akad Nikah	<ul style="list-style-type: none"> a. Upacara akad nikah hanya dibenarkan di pejabat JHEAINS sahaja. b. Temu janji akad nikah hendaklah setelah mendapat kelulusan berkahwin dari Pendaftar NCR. c. Upacara akad nikah hanya boleh dihadiri oleh Pasangan Lelaki, Pasangan Perempuan dan Wali sahaja. d. Tarikh upacara akad nikah akan ditentukan oleh Pendaftar NCR berdasarkan kekosongan waktunya yang ada. 													
3. Temuduga Khas Praperkahwinan Islam MBKPI	<ul style="list-style-type: none"> a. Temuduga khas ini hanya terbuka kepada pasangan yang akan melangsungkan upacara nikah dalam tempoh PKPB sahaja. b. Pemohon hendaklah melengkapkan terlebih dahulu borang Permohonan Kebenaran Kahwin beserta dokumen-dokumen yang diperlukan. c. Yuran Sebanyak RM50.00 dikenakan kepada peserta.. 													
4. Kursus Praperkahwinan Online	<ul style="list-style-type: none"> a. Terbuka kepada mana-mana individu yang belum berkahwin dan yang bermastautin di negeri Sabah sahaja. b. Yuran sebanyak RM 75.00 dikenakan kepada peserta. c. Pautan penyertaan boleh dibuat di https://forms.gle/Xkv5jiUDbRp2KGCAA d. Kursus ini mengandungi 4 tajuk utama dengan jumlah masa 5 jam sahaja. e. Maklumat lanjut boleh berhubung melalui no. Tel:088-522222 / 522205 (ZulFadhl / Rahatul) 													



SEKTOR SUKAN DAN REKREASI

KATEGORI SUKAN	AKTIVITI YANG DIBENARKAN	TEMPOH OPERASI	PROSEDOR OPERASI STANDARD (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
			TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
A) Sukan Individu / Rekreasi	D Aktiviti yang TIDAK BERSENTUHAN FIZIKAL dijalankan secara INDIVIDU atau KUMPULAN yang tidak melebihi sepuluh (10) orang. - Berjalan / jogging - Berbasikal - Menzembara (hiking) - Golf - E-sports - Olahraga - Angkat Berat - Snuker & Billiard - Boling Padang - Tenpin Bowling - Petanque - Catur - Rock Climbing - Paragliding - Dance Sports - Latihan Gimnasium - Senam Robik Kenduri - Golf Driving Range	6.00 pagi – 10.00 malam Kapasiti Pekera: 50%	1. Tanggungjawab pemilik venue latihan 2. Kebersihan Premis dan Peralatan 3. Peniarakan Sosial	<p>a) Operator kompleks / pusat sukan perlu memuat turun aplikasi MySejahtera / Sabah Trace untuk pendaftaran pengguna / atlet bagi pengesahan kontak rapat.</p> <p>b) Operator kompleks / pusat sukan wajib menyediakan hand sanitizer, dan penzimbas suhu (non – contact thermometer) di setiap pintu masuk premis terbuka (open space) untuk atlet / pasukan;</p> <p>c) Catatkan suhu badan (tidak melebihi 37.5°C), nama dan nombor perhubungan dicatat atau didaftar dalam aplikasi MySejahtera / Sabah Trace atau buku catatan kehadiran sebelum memasuki premis.</p> <p>d) Semua peralatan perlu dinyahkuman sebelum selepas operasi dan setiap kali penggunaan.</p> <p>e) Tidak boleh berkongsi gelas, tuala, exercise mat. Atlet / pasukan kena menyediakan untuk keperluan sendiri.</p> <p>f) Pastikan penandaan dan pandu arah yang jelas mengikut kepada:-</p> <p style="text-align: right;"><u>Aktiviti Statik: 1 – 3 meter</u></p>	1. Perlawanan bagi sukan berpasukan 2. Penganiuran kejohanan / pertandingan. 3. Aktiviti Kolam Renang. 4. Aktiviti bersentuhan fizikal. 5. Aktiviti rekreasi terbuka (outdoor) yang melebihi sepuluh (10) orang. 6. Aktiviti Sauna, Jacuzzi, Steam room

{ 1 }

- Sukan Pemotoran - Sukan Lasak (<i>Extreme Sports</i>)			<p>Aktiviti dinamik: 3 – 5 meter</p> <p>b) Setiap aktiviti dinamik yang dilakukan perlu ditanda dengan jarak sekurang-kurangnya 3 – 5 meter jarak antara satu sama lain.</p> <p>c) Peniarakan sosial 1 – 2 meter ketika berada dalam premis.</p> <p>d) Bilangan pengguna / ahli sukan pada satu masa yang sama adalah tertakluk kepada saiz premis dan perlu mematuhi perkara seperti di atas a, b, c dan d.</p> <p>e) Golf: hanya seorang pemain dibenarkan dalam 1 buggy.</p> <p>4. Penggunaan Pelitup Muka</p> <p>5. Golongan Berisiko</p> <p>6. Transaksi Tanpa Sentuhan</p> <p>7. Peraturan / Arah Pihak Berkuaasa Tempatan</p>	
--	--	--	--	--

{ 2 }

KATEGORI SUKAN	AKTIVITI YANG DIBENARKAN	TEMPOH OPERASI	PROSEDOR OPERASI STANDARD (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
			TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
B) Sukan Seni Mempertahankan Diri (<i>Martial Art</i>)	i) Aktiviti yang TIDAK BERSENTUHAN FIZIKAL dijalankan secara INDIVIDU atau KUMPULAN yang tidak melebihi sepuluh (10) orang. ii) Hanya aktiviti SENI dibenarkan - Pencak Silat - Karate - Taekwondo - Silambam - Wushu - Judo - Shorinji Kempo - Muay - Akido	6.00 pagi – 10.00 malam Kapasiti Pekerja: 50%	1. Tanggungjawab pemilik venue latihan 2. Kebersihan Premis dan Peralatan 3. Penjarakan Sosial	a) Operator kompleks / pusat sukan perlu memuat turun aplikasi MySejahtera / Sabah Trace untuk pendaftaran pengguna / atlet bagi pengesanan kontak rapat. b) Operator kompleks / pusat sukan wajib menyediakan hand sanitizer, dan penzumbas suhu (non – contact thermometer) di setiap pintu masuk premis terbuka (<i>open space</i>) untuk atlet / pasukan; c) Catatkan suhu badan (tidak melebihi 37.5°C), nama dan nombor perhubungan dicatat atau didaftar dalam aplikasi MySejahtera / Sabah Trace atau buku catatan kabadian sebelum memasuki premis.	1. Perlawanan bagi sukan berpasukan. 2. Penganjuran kejohanan / pertandingan. 3. Aktiviti Kolam Renang. 4. Aktiviti bersentuhan fizikal. 5. Aktiviti rekreasi terbuka (<i>outdoor</i>) yang melebihi sepuluh (10) orang. 6. Aktiviti perlawanan (<i>Sparring</i>)

			b) Setiap aktiviti dinamik yang dilakukan perlu ditanda dengan jarak sekurang-kurangnya 3 – 5 meter jarak antara satu sama lain. c) Peniarakan sosial 1 – 2 meter ketika berada dalam premis. d) Bilangan pengguna / ahli sukan pada satu masa yang sama adalah tertakluk kepada saiz premis dan perlu mematuhi perkara seperti di atas a, b, c dan d.	
			4. Penggunaan Pelitup Muka 5. Golongan Berisiko 6. Transaksi Tanpa Sentuhan 7. Peraturan / Arahuan Pihak Berkuaasa Tempatan	a) Memastikan pengguna / atlet Negeri Sabah menyediakan pelitup muka masins-masing untuk kegunaan sebelum dan selepas latihan. a) Program latihan yang melibatkan atlet batik dan pelapis bawah umur 12 tahun dan golongan risiko tinggi 60 tahun ke atas adalah tidak digalakkan buat sementara waktu. a) Tiada bayaran tunai terlibat. a) Tertakluk kepada peraturan dan arahan semasa Pihak Berkuaasa Tempatan; dan b) Operasi di Kawasan PKPD adalah tidak dibenarkan.

KATEGORI SUKAN	AKTIVITI YANG DIBENARKAN	TEMPOH OPERASI	PROSEDOR OPERASI STANDARD (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
			TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
C) Sukan Raket	i) Aktiviti yang TIDAK BERSENTUHAN FIZIKAL dijalankan secara INDIVIDU atau KUMPULAN yang tidak melebihi sepuluh (10) orang. ii) Latihan untuk perseorangan (<i>single</i>) sahaja - Badminton - Ping Pong - Tenis - Squash - Soft Tenis	6.00 pagi – 10.00 malam Kapasiti Pekerja: 50%	1. Tanggungjawab pemilik venue latihan 2. Kebersihan Premis dan Peralatan 3. Peniarakan Sosial	a) Operator kompleks / pusat sukan perlu memuat turun aplikasi MySejahtera / Sabah Trace untuk pendaftaran pengguna / atlet bagi pengesanan kontak rapat. b) Operator kompleks / pusat sukan wajib menyediakan hand sanitizer, dan pengukur suhu (<i>non-contact thermometer</i>) di setiap pintu masuk premis terbuka (<i>open space</i>) untuk atlet / pasukan; c) Catatkan suhu badan (tidak melebihi 37.5°C), nama dan nombor perhubungan dicatat atau didaftar dalam aplikasi MySejahtera / Sabah Trace atau buku catatan kehadiran sebelum memasuki premis.	1. Perlawanan bagi sukan berpasukan. 2. Penganiuran kejohanan / pertandingan. 3. Aktiviti Kolam Renang. 4. Aktiviti bersentuhan fizikal. 5. Aktiviti rekreasi terbuka (<i>outdoor</i>) yang melebihi sepuluh (10) orang. 6. Perlawanan / Latihan bergu (<i>doubles</i>)

{ 5 }

				<p>a) Semua peralatan perlu dinyahkuman sebelum selepas operasi dan setiap kali penggunaan.</p> <p>b) Tidak boleh berkongsi raket, gelas, tuala, exercise mat. Pengguna / atlet kena menyediakan untuk keperluan sendiri.</p> <p>Aktiviti Statik: 1 – 3 meter Aktiviti dinamik: 3 – 5 meter</p>	
				<p>c) Peniarakan sosial 1 – 2 meter ketika berada dalam premis.</p> <p>d) Bilangan pengguna / ahli sukan pada satu masa yang sama adalah tertakluk kepada saiz premis dan perlu mematuhi perkara seperti di atas a, b, c dan d.</p>	
				<p>4. Penggunaan Pelitup Muka</p> <p>a) Memastikan pengguna / atlet Negeri Sabah menyediakan pelitup muka masing-masing untuk kegunaan sebelum dan selepas latihan.</p>	
				<p>5. Golongan Berisiko</p> <p>a) Program latihan yang melibatkan atlet bakat dan pelapis bawah umur 12 tahun dan golongan risiko tinggi 60 tahun ke atas adalah tidak digalakkan buat sementara waktu.</p>	
				<p>6. Transaksi Tanpa Sentuhan</p> <p>a) Tiada bayaran tunai terlibat.</p>	
				<p>7. Peraturan / Arahuan Pihak Berkuaasa Tempatan.</p> <p>a) Tertakluk kepada peraturan dan arahan semasa Pihak Berkuaasa Tempatan; dan</p> <p>b) Operasi di Kawasan PKPD adalah tidak dibenarkan.</p>	

{ 6 }

KATEGORI SUKAN	AKTIVITI YANG DIBENARKAN	TEMPOH OPERASI	PROSEDOR OPERASI STANDARD (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
			TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
D) Sukan Kemahiran	i) Aktiviti yang TIDAK BERSENTUHAN FIZIKAL dijalankan secara INDIVIDU atau KUMPULAN yang tidak melebihi sepuluh (10) orang. - Memanah - Lawan Pedang - Pelayaran - Gimnastik - Menembak - Kayak / Kanu	6.00 pagi – 10.00 malam	<p>1. <u>Tanggungjawab pemilik venue latihan</u></p> <p>Kapasiti Pekerja: 50%</p> <p>2. <u>Kebersihan Premis dan Peralatan</u></p> <p>3. <u>Penjarakan Sosial</u></p>	<p>a) Operator kompleks / pusat sukan perlu memuat turun aplikasi MySejahtera / Sabah Trace untuk pendaftaran pengguna / atlet bagi penyesaman kontak rapat.</p> <p>b) Operator kompleks / pusat sukan wajib menyediakan hand sanitizer, dan pengimbang suhu (non – contact thermometer) di setiap pintu masuk premis terbuka (open space) untuk atlet / pasukan;</p> <p>c) Catatkan suhu badan (tidak melebihi 37.5°C), nama dan nombor perhubungan dicatat atau didaftar dalam aplikasi MySejahtera / Sabah Trace atau buku catatan kehadiran sebelum memasuki premis.</p> <p>a) Semua peralatan perlu dinyahkuman sebelum selesai operasi dan setiap kali penggunaan.</p> <p>b) Tidak boleh berkongsi raket, gelas, tuas, exercise mat. Pengguna / atlet kena menyediakan untuk keperluan sendiri.</p> <p>a) Pastikan penandaan dan pandu arah yang jelas mengikut kepada:- Aktiviti Statik: 1 – 3 meter Aktiviti dinamik: 3 – 5 meter</p>	<p>1. Perlawanan bagi sukan berpasukan.</p> <p>2. <u>Penganjuran kejohanan / pertandingan</u>.</p> <p>3. Aktiviti Kolam Renang.</p> <p>4. Aktiviti bersentuhan fizikal.</p> <p>5. Aktiviti rekreasi terbuka (outdoor) yang melebihi sepuluh (10) orang.</p>

				<p>b) Setiap aktiviti dinamik yang dilakukan perlu ditanda dengan jarak sekurang-kurangnya 3 – 5 meter jarak antara satu sama lain.</p> <p>c) Penjarakan sosial 1 – 2 meter ketika berada dalam premis.</p> <p>d) Bilangan pengguna / ahli sukan pada satu masa yang sama adalah tertakluk kepada saiz premis dan perlu mematuhi perkara seperti di atas a, b, c dan d.</p> <p>4. <u>Penggunaan Pelitup Muka</u></p> <p>5. <u>Golongan Berisiko</u></p> <p>6. <u>Transaksi Tanpa Sentuhan</u></p> <p>7. <u>Peraturan / Arahan Pihak Berkewasa Tempatan</u></p>	
--	--	--	--	--	--

KATEGORI SUKAN	AKTIVITI YANG DIBENARKAN	TEMPOH OPERASI	PROSEDOR OPERASI STANDARD (SOP)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
			TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
E) Sukan Berpasukan	i) Latihan kecergasan (Fitness Training) secara INDIVIDU ii) Latihan Kemahiran secara TIDAK BERSENTUHAN FIZIKAL dalam kumpulan tidak melebihi 10 orang - Hoki - Bola Jaring - Bola Keranjang - Sepak Takraw - Ragbi - Kriket - Bola Sepak	6.00 pagi – 10.00 malam Kapasiti Pekerja: 50%	<p>1. Tanggungjawab pemilik venue latihan</p> <p>2. Kebersihan Premis dan Peralatan</p> <p>3. Penjarakan Sosial</p>	<p>a) Operator kompleks / pusat sukan perlu memuat turun aplikasi MySejahtera / Sabah Trace untuk pendaftaran pengguna / atlet bagi pengesahan kontak rapat.</p> <p>b) Operator kompleks / pusat sukan wajib menyediakan hand sanitizer, dan pengukur suhu (non – contact thermometer) di setiap pintu masuk premis terbuka (open space) untuk atlet / paauku;</p> <p>c) Catatkan suhu badan (tidak melebihi 37.5°C), nama dan nombor perhubungan dicatat atau didaftar dalam aplikasi MySejahtera / Sabah Trace atau buku catatan kehadiran sebelum memasuki premis.</p> <p>a) Semua peralatan perlu dinyahkuman sebelum, selepas operasi dan setiap kali penggunaan.</p> <p>b) Tidak boleh berkongsi peralatan sukan, gelas, tuala, exercise mat. Pengguna / atlet kena menyediakan untuk keperluan sendiri.</p> <p>a) Pastikan penandaan dan pandu arah yang jelas mengikut kepada:- Aktiviti Statik: 1 – 3 meter Aktiviti dinamik: 3 – 5 meter</p>	1. Perlawanan bagi sukan berpasukan. 2. Penganiuran kejohanan / pertandingan. 3. Aktiviti Kolam Renang. 4. Aktiviti bersentuhan fizikal. 5. Aktiviti rekreasi terbuka (outdoor) yang melebihi sepuluh (10) orang.

			<p>b) Setiap aktiviti dinamik yang dilakukan perlu ditanda dengan jarak sekurang-kurangnya 3 – 5 meter jarak antara satu sama lain.</p> <p>c) Penjarakan sosial 1 – 2 meter ketika berada dalam premis.</p> <p>d) Bilangan pengguna / ahli sukan pada satu masa yang sama adalah tertakluk kepada saiz premis dan perlu mematuhi perkara seperti di atas a, b, c dan d.</p>	
			<p>4. Penggunaan Pelitup Muka</p>	a) Memastikan pengguna / atlet Negeri Sabah menyediakan pelitup muka masing-masing untuk kegunaan sebelum dan selepas latihan.
			<p>5. Golongan Berisiko</p>	a) Program latihan yang melibatkan atlet batik dan pelapis bawah umur 12 tahun dan golongan risiko tinggi 60 tahun ke atas adalah tidak dilaksanakan sementara waktu.
			<p>6. Transaksi Tanpa Sentuhan</p>	a) Tiada bayaran tunai terlibat.
			<p>7. Peraturan / Arahuan Pihak Berkwasa Tempatan</p>	<p>a) Tertakluk kepada peraturan dan arahan semasa Pihak Berkwasa Tempatan; dan</p> <p>b) Operasi di Kawasan PKPD adalah tidak dibenarkan.</p>



STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)

OPERASI TASKA DI NEGERI SABAH

* SOP telah ditambahbaik dan dikemaskini pada 13 November 2020

1



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN
KESEJAHTERAAN RAKYAT**

*Standard Operating Procedure(SOP) untuk
pembukaan semula TASKA BERDAFTAR
dengan Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am
Sabah (Jabatan Kebajikan Masyarakat
Malaysia Negeri Sabah)*

2



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN SEBELUM MENGHANTAR KANAK-KANAK KE TASKA a) Sebelum ketibaan di TASKA	6am - 6pm Kapasiti 50% (tertakluk kepada keluasan lantai dan penjarakan sosial)	<ul style="list-style-type: none">Ibu/ bapa/penjaga menghantar kanak-kanak setelah dimandikan dari rumahMemastikan anak-anak dalam keadaan yang sihatIbu/ bapa/ penjaga memastikan anak-anak memakai pelitup muka	<ul style="list-style-type: none">Persiapan ibu/ bapa/penjaga sebelum menghantar anak mereka ke TASKA	Kanak-kanak yang demam atau sakit jika suhu kanak-kanak 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN SEMASA MENGHANTAR KANAK-KANAK DI TASKA b) Semasa tiba di TASKA	6am - 6pm Kapasiti 50% (tertakluk kepada keluasan lantai dan penjarakan sosial)	<ul style="list-style-type: none">Pengasuh menggunakan aplikasi MySejahtera/ SabahTrace dan buku log harianAturkan jadual ketibaan Kanak-kanak ke TASKAIbu/bapa/penjaga dilarang keluar daripada keretaKanak-kanak diambil bacaan suhu dan menggunakan hand sanitiser sebelum masuk ke premis TASKAPengasuh yang menguruskan bayi hendaklah memakai PPE penuh sepanjang masa mengendalikan bayi	<ul style="list-style-type: none">Jadualkan waktu menurunkan kanak-kanak dalam bilangan kecil dengan jarak waktu 5-10 minitkanak-kanak disambut oleh pengasuhSaringan gejala dan pemeriksaan suhu dilakukan semasa ketibaan.	Jika bacaan suhu 37.5(darjah Celsius) dan ke atas, kanak-kanak tidak dibenarkan untuk memasuki premis TASKA



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN SEMASA KANAK-KANAK DALAM TASKA c) Persekitaran Ruang TASKA/ Bilik Aktiviti i) Semasa menjalankan aktiviti di TASKA)	6am - 6pm Kapasiti 50% (tertakluk kepada keluasan lantai dan penjarakan sosial)	<ul style="list-style-type: none"> Pengasuh memastikan ruang/bilik sudah disanitasi, selamat dan bersih untuk digunakan Pengasuh dan kanak-kanak memakai pelitup muka sepanjang masa beraktiviti Pengasuh memastikan pembelajaran/ aktiviti dengan penjarakan sosial Pengasuh memastikan bilik dan semua peralatan disanitasi dan dibersihkan selepas aktiviti dijalankan 	<ul style="list-style-type: none"> Buka tingkap dan pintu untuk membantu aliran udara yang segar Penjarakan sosial 1 meter Buat jadual pembersihan ruang pembelajaran dan peralatan sepanjang masa kanak-kanak berada dalam TASKA 	Aktiviti berkumpulan atau bersentuhan tanpa penjarakan



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN SEMASA KANAK-KANAK DALAM TASKA c) Persekitaran Ruang TASKA/ Bilik Aktiviti ii) Waktu Mandi Dan Menukar Pakaian/ Lampin	6am - 6pm Kapasiti 50% (tertakluk kepada keluasan lantai dan penjarakan sosial)	<ul style="list-style-type: none"> Mandi dan menukar pakaian/ lampin seorang demi seorang Pakaian/ lampin kotor terus dimasukkan dalam beg yang dibekalkan oleh ibu/ bapa/ penjaga Lampin (pakai buang) terpakai dibuang segera dalam beg plastik dan dimasukkan ke dalam tong sampah bertutup Pengasuh sentiasa memakai pelitup muka. Kanak-kanak perlu menukar pelitup muka yang baharu Bersih dan sanitasikan tandas/ kawasan yang telah digunakan selepas kanak-kanak lain menggunakananya 	<ul style="list-style-type: none"> Mandi dan tukarkan baju kanak-kanak seorang demi seorang. Peralatan pembersih diri dilabelkan mengikut nama kanak-kanak masing-masing Pengasuh memasukkan pakaian kotor ke dalam beg plastik dan tutupkannya. Pengasuh memakai pelitup muka sepanjang masa 	Mandi berkumpulan Berkongsi pakaian, tuala dan peralatan pembersih diri



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN SEMASA KANAK-KANAK DALAM TASKA c) Persekitaran Ruang TASKA/ Bilik Aktiviti iii) Waktu makan/ minum/ menyusu	6am - 6pm Kapasiti 50% (tertakluk kepada keluasan lantai dan penjarakan sosial)	<ul style="list-style-type: none">Kanak-kanak makan/ minum/ menyusu secara individuMemastikan kebersihan makan/ minum/susuPenjarakan sosial diamalkan	<ul style="list-style-type: none">Pengasuh mengekalkan penjarakan kanak-kanak sekurang-kurangnya 1 meterPengasuh sentiasa memakai pelitup muka	Berkongsi peralatan makan minum, peralatan menyusu



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN SEMASA KANAK-KANAK DALAM TASKA c) Persekitaran Ruang TASKA/ Bilik Aktiviti iv) Waktu tidur/ rehat	6am - 6pm Kapasiti 50% (tertakluk kepada keluasan lantai dan penjarakan sosial)	<ul style="list-style-type: none">Kanak-kanak tidur/rehat secara individuPenjarakan sosial diamalkanPengasuh sentiasa memakai pelitup muka	<ul style="list-style-type: none">Setiap kanak-kanak (secara individu), haruslah dikhaskan sebuah katil/tilam/bantal/selimut yang dilabelkan mengikut nama masing-masingPengasuh mengekalkan penjarakan kanak-kanak sekurang-kurangnya 1 meterPengasuh yang menjaga kanak-kanak sewaktu tidur perlu memakai pelitup mukaKanak-kanak tidak perlu memakai pelitup muka semasa tidur	Berkongsi katil/tilam/ bantal/selimut



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN SEMASA IBU/BAPA/ PENJAGA MENJEMPUT KANAK-KANAK DARI TASKA d) Semasa ibu/bapa/ penjaga menjemput kanak-kanak dari TASKA	6am - 6pm Kapasiti 50% (tertakluk kepada keluasan lantai dan penjarakan sosial)	<ul style="list-style-type: none">Pengasuh mengatur jadual waktu menjemput kanak-kanakPengasuh melaksanakan penjarakan sosialIbu/bapa/penjaga dilarang keluar daripada keretaPengasuh dan kanak-kanak memakai pelitup muka sepanjang masaPengasuh yang menguruskan bayi hendaklah memakai PPE penuh sepanjang masa mengendalikan bayiMengingatkan ibu/bapa/penjaga dan kanak-kanak mandi sebaik sampai di rumah	<ul style="list-style-type: none">Pengambilan balik kanak-kanak dibuat secara berperingkat dan mematuhi SOPKanak-kanak dihantar ke kenderaan ibu/bapa/penjaga oleh pengasuhKanak-kanak dan ibu/bapa/penjaga harus segera mandi setelah sampai ke rumah	Perbincangan bersemuka perihal anak di luar TASKA Bersentuhan atau berpelukan antara satu sama lain